

## KAEDAH IKHTIAR IMAM AL-TABARI DALAM TAFSIR JAMI' AL- BAYAN A'N TA'WIL AY AL-QURAN: KAJIAN ANALISIS BERDASARKAN RUKUN QIRAAT SAHIHAH<sup>o</sup>

*(The Method of Ikhtiar By Imam Al-Tabari In Tafsir Jami' Al- Bayan  
A'n Ta'wil Ay Al-Quran: Analytical Study Based on The Principles of  
Qiraat Sahihah)*

Ibrahim Mohd Sobki<sup>1</sup>, Nor Hafizi Yusof<sup>2</sup>, Yusharina Yusof<sup>3</sup>

### ABSTRACT

Imam al-Tabari is one of the distinguished Mufassirin. His masterpiece is Tafsir al-Tabari became a reference for many scholars in various field of knowledge. Imam al-Tabari's interpretation includes various branches of knowledge from authentic al-Ma'thur sources. In discussion the knowledge of Qiraat, Imam al-Tabari has made in depth debates on the differences in Qiraat and bringing the arguments from various sources. This study was conducted to find out the method of ikhtiar used by imam al-Tabari in discussing on the knowledge of Qiraat based on the principles of Qiraat Sahihah through the interpretation of Jami' al-Bayan A'n Ta'wil Ay al-Quran. The research methodology is based on inductive research where the analysis has been done through reading and referring to the tafsir al-Tabari which includes some discussions on verses by Imam

---

<sup>o</sup> This article was submitted on: 10/01/2023 and accepted for publication on: 22/06/2023.

<sup>1</sup> Ibrahim Mohd Sobki, merupakan calon ijazah tinggi (PhD) di Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

Emel: [hymalhafeez02@yahoo.com](mailto:hymalhafeez02@yahoo.com)

<sup>2</sup> Nor Hafizi Yusof, PhD, merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu.

Emel: [nhafizi@unisza.edu.my](mailto:nhafizi@unisza.edu.my)

<sup>3</sup> Yusharina Yusof, merupakan pensyarah kanan di Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka) 26400 Bandar Jengka, Pahang.

Emel: [yusharina@uitm.edu.my](mailto:yusharina@uitm.edu.my)

al-Tabari. The results of the analysis showed that imam al-Tabari has made ikhtiar based on the Qiraat principles on certain verses and his argument is also according to certain circumstances that are compatible with the Qiraat Sahihah principles.

**Keywords:** *Mufassirin, Method, Ikhtiar, Imam Al-Tabari, Principles of Qiraat Sahihah*

## ABSTRAK

Imam al-Tabari adalah seorang ahli tafsir yang ulung. Karya agung beliau iaitu Tafsir al-Tabari menjadi rujukan para cendekiawan dalam pelbagai bidang keilmuan. Pentafsiran Imam al-Tabari merangkumi pelbagai cabang ilmu yang bersumberkan daripada sumber al-Ma'thur yang asli. Dalam perbincangan ilmu Qiraat, Imam al-Tabari membahaskan secara mendalam dengan memperincikan perbezaan bacaan dan mendatangkan hujah daripada pelbagai sumber. Kajian ini dijalankan untuk melihat bagaimana Imam al-Tabari menggunakan kaedah ikhtiar beliau dalam perbincangan ilmu Qiraat berdasarkan kepada rukun Qiraat Sahihah dalam tafsir Jami' al-Bayan A'n Ta'wil Ay al-Quran. Metodologi kajian adalah berdasarkan kajian induktif iaitu analisis dilakukan melalui pembacaan dan rujukan kepada tafsir al-Tabari merangkumi beberapa perbincangan ayat oleh Imam al-Tabari. Keputusan analisis menunjukkan bahawa Imam al-Tabari melakukan ikhtiar berdasarkan rukun Qiraat pada ayat tertentu dan hujah beliau juga adalah mengikut keadaan tertentu yang bersesuaian dengan rukun Qiraat Sahihah.

**Kata Kunci:** *Ahli Tafsir, Kaedah, Ikhtiar, Imam Al-Tabari, Rukun Qiraat Sahihah*

## 1. PENGENALAN

Pentafsiran al-Quran mempunyai kaedah yang tertentu yang digunakan untuk menerangkan serta menjelaskan sesuatu ayat. Para Mufassirin berkemahiran dalam menyusun dan meletakkan metodologi yang khusus dalam mentafsirkan al-Quran supaya dapat difahami dengan baik. Imam al-Tabari juga mempunyai kaedah serta metodologi khusus yang digunakan bagi menghuraikan setiap ayat dan setiap sudut yang boleh diperincikan dalam ayat tersebut. Di antara kaedah yang digunakan dalam pentafsiran al-Quran oleh beliau ialah kaedah ikhtiar. Kaedah ikhtiar digunakan bagi memilih sesuatu pandangan atau hujah yang difikirkan oleh beliau pandangan tersebut adalah yang terbaik berdasarkan hujah-hujah yang dinyatakan.

## 2. PERBAHASAN RUKUN QIRAAT SAHIHAH

### 2.1 Istilah Qiraat Sahihah

Istilah *Qiraat Sahihah* adalah merujuk kepada bacaan Qiraat yang diterima atau diiktiraf sebagai bacaan yang *Mutawatirah* dan *Thabit* daripada Rasulullah SAW. Namun, para ulama qiraat menggunakan pelbagai istilah yang digunakan secara umum menunjukkan Qiraat tersebut adalah *Qiraat Sahihah*. Sebahagian ulama menggunakan istilah *Qiraat Mutawatirah*, manakala sebahagian ulama menggunakan istilah *Qiraat Maqbulah*. Walaupun demikian, terdapat juga ulama yang membezakan di antara istilah-istilah tersebut. Ibnu al-Jazari di dalam kitabnya *Munjid Al-Muqri'in Wa Mursyid Al-Thalibin* membezakan antara *Qiraat Sahihah* dan *Qiraat Mutawatirah*<sup>4</sup>. Adapun al-Qadhi pula menggunakan istilah *Qiraat Maqbulah* dalam menjelaskan perbezaan antara *Qiraat Maqbulah* dengan *Qiraat Syadzah* atau *Qiraat Mardudah*. Penggunaan istilah *Qiraat Maqbulah* juga digunakan untuk menunjukkan bahawa Qiraat tersebut adalah Qiraat yang diterima atau diiktiraf sebagai Qiraat yang berstatus *Mutawatirah*<sup>5</sup>.

### 2.2 Perbahasan Rukun Qiraat Sahihah Di Sisi Ulama

Berkenaan perbahasan rukun Qiraat di kalangan para ulama, mereka berbeza pendapat dalam menjelaskan huraian rukun Qiraat tersebut. Berikut adalah pandangan sebahagian ulama yang membahaskan tentang rukun Qiraat:

- 1) Ibnu Mujahid menjelaskan bahawa terdapat tiga asas penerimaan Qiraat iaitu pertama ianya perlu bertepatan dengan Mushaf Uthmani, kedua ianya adalah Sanad yang sahih dan yang ketiga ianya bertepatan dengan Bahasa Arab walaupun dalam pelbagai *wajah*<sup>6</sup>.
- 2) Abi Zar'ah Abdul Rahman menghuraikan tentang syarat rukun Qiraat adalah terdiri daripada tiga perkara iaitu pertama Sanad yang sahih dan sampai kepada Rasulullah SAW daripada awal sehingga akhir secara *Mutawatir*. Yang kedua adalah Qiraat tersebut bertepatan dengan Rasm Al-Uthmani dan yang ketiga adalah bertepatan dengan *wajah* di dalam Bahasa Arab sama ada secara *Ijma'* atau

---

<sup>4</sup> Ibnu Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (1999), *Munjid Al-Muqri'in Wa Mursyid Al-Thalibin*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, p. 18.

<sup>5</sup> Al-Qadhi, Abdul Fatah Abdul Ghani (2004), *Al-Budur Al-Zahirah Fi Al-Qiraat Al-A'syr Al-Mutawatirah*, Kaherah: Dar Al-Salam, p. 502.

<sup>6</sup> Dhif, Syaqui (1972), *Kitab Al-Sab'ah Fi Al-Qiraat Li Ibnu Mujahid*, Kaherah: Dar Al-Ma'arif, p. 17.

*Ikhtilaf*.

- 3) Imam al-Makki menjelaskan bahawa Qiraat yang dibaca pada masa sekarang adalah memenuhi tiga perkara utama iaitu bacaan tersebut adalah diriwayatkan oleh perawi yang *Thiqah* daripada Rasulullah SAW, kemudian al-Quran tersebut diturunkan dalam Bahasa Arab dan seterusnya ia bertepatan dengan Mushaf Uthmani<sup>8</sup>.
- 4) Imam Abi Syamah menukulkan daripada pandangan ulama-ulama Qiraat yang meletakkan *Dhawabith* yang khusus kepada bacaan Qiraat itu ada tiga perkara iaitu pertama sesuatu Qiraat mestilah bertepatan dengan Mushaf Uthmani, yang kedua ialah sesuatu Qiraat mestilah diriwayatkan secara sahih. Manakala yang ketiga adalah sesuatu Qiraat mestilah fasih dalam Bahasa Arab<sup>9</sup>.
- 5) Imam Ibnu Al-Jazari pula menjelaskan bahawa rukun Qiraat Sahihah itu terdiri daripada tiga perkara iaitu setiap Qiraat mestilah bertepatan dengan Bahasa Arab walaupun dalam satu *wajah*, yang kedua Qiraat tersebut mestilah bertepatan dengan salah satu Mushaf Uthmani walaupun secara *Ihtimal* dan yang ketiga adalah setiap Qiraat mestilah sahih sanadnya<sup>10</sup>.

Jika dilihat kepada huraian para ulama berkenaan rukun Qiraat di atas menunjukkan mereka tidak mempunyai perbezaan pendapat yang begitu ketara di antara mereka. Perkara yang membezakan di antara mereka hanya melibatkan rukun Qiraat berkaitan Mutawatir sahaja kerana ada sebahagian ulama yang meletakkan syarat Mutawatir dan sebahagian yang lain memadai dengan syarat sahih sanadnya. Namun, rukun Qiraat berkaitan bertepatan dengan Bahasa Arab dan bertepatan dengan Mushaf Uthmani secara *Itifaq* telah dipersetujui oleh majoriti ulama.

### 2.3 Rukun Qiraat Sahihah Di Sisi Imam Al-Tabari

Dalam perbahasan kitab tafsir al-Tabari, imam al-Tabari menghuraikan ayat-ayat yang berkaitan dengan Qiraat dengan menjelaskan sesuatu Qiraat diterima atau ditolak berdasarkan kepada kriteria tertentu. Antara kriteria yang dibincangkan oleh imam al-Tabari yang termasuk dalam rukun Qiraat Sahihah adalah seperti berikut:

<sup>7</sup> Ibnu Zanjalah, Abu Zar'ah Abdul Rahman bin Muhammad (1997), *Hujjah Al-Qiraat*, Beirut: Muassasah Risalah, p. 11-12.

<sup>8</sup> Al-Qaisi, Makki bin Abi Thalib Hammush (T.T), *Al-Ibanah A'n Ma'ani al-Qiraat*, Kaherah: Dar Nahdhah Misr, p. 51.

<sup>9</sup> Abu Syamah Al-Dimashqi, Abdul Rahman bin Ismail (T.T), *Ibraz Al-Ma'ani Min Hirz Al-Amani Fi Al-Qiraat Al-Sab'*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, p. 5.

<sup>10</sup> Ibnu Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (T.T), *Al-Nasyr Fi Al-Qiraat Al-A'syr*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, p. 9.

1) Qiraat tersebut bertepatan dengan Rasm Uthmani

Imam al-Tabari dalam membincangkan tentang penerimaan sesuatu Qiraat dan pemilihannya sebagai *Qiraat Sahihah*, salah satu aspek yang diletakkan sebagai asas adalah sesuatu Qiraat mestilah bertepatan dengan Rasm Uthmani<sup>11</sup>.

2) Kesepakatan hujjah daripada Qurra' yang telah menaqqalkan Qiraat tersebut secara meluas

Dalam perbincangan ayat yang berkaitan dengan Qiraat di dalam tafsir al-Tabari, Imam al-Tabari juga mengambil kira kesepakatan daripada para Qurra' dan juga ulama-ulama yang menyatakan pendirian yang sama. Dengan itu, kesepakatan tersebut yang menjadi hujjah beliau dalam menilai status sesuatu Qiraat tersebut menjadi Qiraat yang diterima sebagai sah<sup>12</sup>.

3) Mempunyai kekuatan wajah dalam Bahasa Arab dan paling fasih dalam aspek *Lughah*

Di samping dua kriteria yang disebutkan di atas, terdapat satu lagi kriteria yang menjadi syarat di sisi Imam al-Tabari sesuatu Qiraat tersebut diterima dan diiktiraf sebagai *Qiraat Sahihah*. Kriteria tersebut ialah sesuatu Qiraat mesti mempunyai kekuatan wajah dalam Bahasa Arab serta yang paling fasih dari aspek *Lughah*<sup>13</sup>.

### 3. KAEDAH IKHTIAR IMAM AL-TABARI BERDASARKAN RUKUN QIRAAT SAHIIHAH

#### 3.1 Definisi Ikhtiar

Maksud perkataan ikhtiar dari sudut bahasa adalah berasal daripada kalimah Bahasa Arab iaitu kata asal (خ ي ن) yang membawa maksud “apa yang wajar dilakukan oleh kami untuk kami melakukannya atau tidak melakukannya, lawannya adalah paksaan”<sup>14</sup>. Manakala di dalam *al-Mu'jam al-Wasith*<sup>15</sup> pula menjelaskan maksud ikhtiar ialah “Di antara dua perkara: Dilebihkan sesuatu ke atas sesuatu yang lain dan sesuatu yang dilebihkan ke atas

<sup>11</sup> Al-Zuhaili, Muhmmad (1999), *Al-Imam al-Tabari*, Damsyik: Dar al-Qalam, p. 275.

<sup>12</sup> Ibid, p. 275-276.

<sup>13</sup> Ibid, p. 276.

<sup>14</sup> Sabir, Muhyiddin (2003), *Al-Mu'jam al-A'rabi al-Asasi*, Tunis: Al-Munazzhomah Al-A'rabiyyah Li Al-Tarbiyah Wa Al-Thaqafah Wa Al-U'lum, p. 430.

<sup>15</sup> Dhif, Syauqi (2005), *Al-Mu'jam Al-Wasith*, Kaherah: Maktabah Al-Syuruq Al-Dauliah, p. 264.

yang lain". Selain itu, menurut Kamus Dewan edisi keempat<sup>16</sup> maksud ikhtiar ialah "Pilihan (pertimbangan, kehendak, pendapat dan lain-lain) yang terbaik". Justeru, kajian tentang ikhtiar Imam al-Tabari berdasarkan rukun *Qiraat Sahihah* adalah bagaimana Imam al-Tabari memilih pandangan berdasarkan penjelasan *Khilaf Qiraat* di samping beliau mendatangkan hujah dengan membuktikan sesuatu Qiraat tersebut adalah Qiraat yang dipilih berdasarkan rukun *Qiraat Sahihah*. Al-Harabi<sup>17</sup> menjelaskan gambaran ikhtiar Imam al-Tabari dalam membahaskan sesuatu ayat seperti berikut "Beliau membahaskan sesuatu ayat dengan maksud yang dipilih, beliau mencari persamaan pandangan lain yang seakan dengannya, kemudian beliau menyebutkan juga pandangan ahli tafsir yang lain, beliau kemudiannya menutup dengan memberi komen di atas pandangan yang dipilihnya yang menunjukkan beliau memilih pandangan tersebut".

### 3.2 Uslub Ikhtiar Imam al-Tabari

Dalam membahaskan perbezaan Qiraat di dalam tafsir *Jami' al-Bayan A'n Ta'wil Ay al-Quran* Imam al-Tabari menggunakan beberapa Uslub ikhtiar beliau yang menunjukkan bahawa beliau memilih bacaan tersebut. Al-Harabi<sup>18</sup> menyebutkan terdapat beberapa Uslub ikhtiar yang digunakan oleh imam al-Tabari. Antara Uslub ikhtiar tersebut ialah:

A) وإنما اخترنا القول الذي اخترناه في ذلك

Berdasarkan Uslub di atas, terdapat contoh yang telah dihuraikan oleh imam al-Tabari dalam tafsir beliau. Antara contoh perbahasan yang menggunakan Uslub di atas ialah pada ayat 208 surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Imam al-Tabari dalam perbahasan ayat di atas telah melakukan *tarjih* di samping menggunakan lafaz yang menunjukkan beliau memilih (ikhtiar) salah satu bacaan Qiraat. Beliau berkata:

"وإنما اخترنا ما اخترنا من التأويل في قوله (ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً). وصرفنا معناه إلى الإسلام، لأن الآية مخاطب بها المؤمنون، فلن يعدو الخطاب إذ كان خطاباً للمؤمنين من أحد أمرين، إما أن يكون خطاباً للمؤمنين بمحمد المصدقين به وبما جاء به، أو يكون خطاباً لأهل الإيمان بمن

<sup>16</sup> Baharom, Noresah (2005), Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, p. 247.

<sup>17</sup> Al-Harabi, Hussin bin A'li (2008), *Manhaj Al-Imam Ibnu Jarir Al-Tabari Fi Al-Tarjih*, Amman: Dar Al-Janadariah, p. 57-58.

<sup>18</sup> Ibid, p. 62.

قبل محمد من الأنبياء، المصدقين بهم وبما جاءوا به من عند الله، المنكرين محمداً ونبوته، فقيل لهم (أَدْخُلُوا فِي آلِ سِمْ كَافَّةً) يعني به الإسلام لا الصلح"

Maksud: "Sesungguhnya kami memilih apa yang kami telah pilih pada ayat (أَدْخُلُوا فِي آلِ سِمْ كَافَّةً) (Maknanya adalah Islam, kerana ayat tersebut khitabnya ditujukan kepada orang mukmin. Jika Khitab tersebut ditujukan kepada orang mukmin, maka tidak akan keluar dari dua masalah ini iaitu Khitab tersebut ditujukan kepada orang yang percaya kepada Muhammad SAW dan membenarkannya atau membenarkan apa yang dibawa oleh nya. Atau mungkin Khitab itu ditujukan kepada mereka yang beriman kepada para nabi sebelum kedatangan Muhammad SAW, membenarkan mereka dan membenarkan apa yang dibawa oleh mereka di sisi Allah tetapi mengingkari kenabian Muhammad SAW, maka dikatakan kepada mereka (أَدْخُلُوا فِي آلِ سِمْ كَافَّةً) dengan maksud Islam tetapi bukan perdamaian"<sup>19</sup>

#### B) وهذا القول أحب إليّ

Lafaz di atas juga merupakan salah satu Uslub yang digunakan oleh Imam al-Tabari dalam perbahaasan ayat berkaitan dengan perbezaan Qiraat. Contoh ayat boleh di dapati di dalam tafsir beliau pada ayat 187 surah Aali Imran. Firman Allah SWT:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ وَأَشْرَوْا بِهِ تَمَنَّا قَلِيلاً فَبِئْسَ مَا يَشْتَرُونَ

Imam al-Tabari membahaskan perbezaan Qiraat dalam ayat tersebut dengan menggunakan istilah yang menunjukkan beliau memilih (ikhtiar) Qiraat yang tertentu dengan berkata:

"والقول في ذلك عندنا أنهما قراءتان صحيحة وجوههما، مستفيضتان في قرأة الإسلام، غير مختلفتي المعاني، فبأيتهما قرأ القارئ فقد أصاب الحق والصواب في ذلك، غير أن الأمر في ذلك وإن كان كذلك، فإن أحب القراءتين إلى أن أقرأ بها (كُتِبَتْ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ) بالياء جميعاً، استدلالاً بقوله (فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ) أنه إذ كان قد خرج مخرج الخبر عن الغائب على سبيل

<sup>19</sup> Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (2001), *Jami' al-Bayan A'n Ta'wil Ay Al-Quran*, Kaherah: Dar Hajr, p. 598.

قوله (فَبَيِّنُوهُ) حتى يكون الكلام متسقا كله على معنى واحد ومثال واحد"

Maksud: "Pendapat di sisi kami berkenaan Qiraat tersebut adalah kedua-dua Qiraat tersebut adalah sah bacaannya, diriwayatkan secara meluas di kalangan ahli Qurra' Islam, tidak berbeza pada makna, maka bacaan mana yang dibaca oleh Qari adalah tepat. Adapun bacaan yang aku sukai di antara kedua Qiraat tersebut (الَّتِي يَتَّبِعُهَا النَّاسُ وَلَا تَكْثُرُونَ) adalah dengan bacaan ya', dengan istidlal daripada (فَبَيِّنُوهُ وَرَأَى ظُهُورَهُمْ) bahawa ianya telah terkeluar daripada al-khabar yang tersembunyi daripada (فَبَيِّنُوهُ), sehingga terjadinya persamaan perkataan di atas makna dan contoh yang satu"<sup>20</sup>

### C) وهذا القول أعجب إليّ

Seterusnya, Imam al-Tabari juga menggunakan contoh Uslub di atas dalam menghuraikan perbincangan Qiraat. Contoh perbincangan tersebut boleh di dapati di dalam tafsir beliau pada ayat ayat 249 surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِالْجُنُودِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِنَهَرٍ فَمَنْ شَرِبَ مِنْهُ فَلَيْسَ مِنِّي وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي إِلَّا مَنْ اغْتَرَفَ غُرْفَةً ۗ بِيَدِهِ فَشَرِبُوا مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْهُمْ فَلَمَّا جَاوَزَهُ هُوَ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ قَالُوا لَا طَاقَةَ لَنَا الْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجُنُودِهِ قَالَ الَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلِقُوا اللَّهَ كَم مِّنْ فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةُ كَثِيرَةٍ ۗ يَأْذِنُ اللَّهُ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ

Imam al-Tabari dalam perbincangan ayat di atas telah menggunakan istilah yang menunjukkan beliau telah memilih (ikhtiar) Qiraat yang tertentu dengan berkata:

"وأعجب القراءتين في ذلك إلىّ ضمّ الغين في (الغرفة) بمعنى: إلا من اغترف كفاء من ماء. لاختلاف (غرفة) إذا فتحت غينها، وما هي له مصدر. وذلك أن مصدر (اغترف) (اغترفة)، وإنما (غرفة) مصدر (غرفت)، فلما كانت (غرفة) مخالفة مصدر (اغترف)، كانت الغرفة التي بمعنى الاسم على ما قد وصفنا أشبه منها بالغرفة التي هي بمعنى الفعل"

<sup>20</sup> Ibid, p. 298.



Maksud: “Dan di antara dua qiraat tersebut yang menjadi ketakjubanku adalah bacaan dhammah ghain pada (الغرفة) dengan makna kecuali orang yang mencedok dengan satu telapak tangan air. Berbeza dengan (غرفة) jika dibaca fathah ghain, maka ianya bukan masdar, kerana masdarnya adalah (اغترافة), sedangkan (غرفة) adalah masdar (غرفت), adapun sekiranya (غرفة) berbeza masdar (اغترف), maka (الغرفة) – fathah ghain dengan makna isim adalah sama dengan (الغرفة) – kasrah ghain yang bermakna fi’il”<sup>21</sup>

Contoh di atas merupakan sebahagian sahaja daripada contoh yang terdapat di dalam tafsir *Jami’ al-Bayan A’n Ta’wil Ay al-Quran* yang digunakan oleh Imam al-Tabari dalam membahaskan perbezaan Qiraat dan juga beliau melakukan ikhtiar terhadap pandangan yang terbaik mengikut pandangan beliau. Ini menunjukkan beliau secara konsisten akan menggunakan istilah yang pelbagai bagi menunjukkan beliau memilih bacaan Qiraat yang tertentu berdasarkan hujah beliau mengikut syarat rukun Qiraat yang bersesuaian.

### 3.3 Analisis Kaedah Ikhtiar Imam Al-Tabari Berdasarkan Rukun Qiraat Sahihah

1) Dalam surah Ali Imran ayat 12 Allah SWT berfirman:

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سِتُّعَلْبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمِهَادُ

Dalam membahaskan perbezaan Qiraat di dalam tafsir *Jami’ al-Bayan A’n Ta’wil Ay al-Quran* Imam al-Tabari menggunakan beberapa Uslub ikhtiar beliau yang menunjukkan bahawa beliau memilih bacaan tersebut. Sebagai contoh ayat di atas, imam al-Tabari menjelaskan pandangan beliau tentang perbezaan Qiraat dan ikhtiar beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang tertentu dengan berkata:

"اختلفت القراءة في ذلك، فقرأه بعضهم (سُتُّعَلْبُونَ وَتُحْشَرُونَ) بالتاء على وجه الخطاب للذين كفروا بأنهم سيغلبون، واحتجوا لاختيارهم قراءة ذلك بالتاء بقوله (قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِئْتَيْنِ) قالوا: ففي ذلك دليل على أن قوله (سُتُّعَلْبُونَ)، وقد يجوز أن يقرأه بالتاء والياء، لأن الخطاب بالوحي حين نزل لغيرهم. والذي نختار القراءة في ذلك قراءة من قرأه بالتاء، بمعنى: قل يا محمد

<sup>21</sup> Ibid, p. 486.

للذين كفروا من يهود بني إسرائيل، الذين يتبعون ما تشابه من آي الكتاب الذي أنزلته إليك ابتغاء الفتنة وابتغاء تأويله (سُتَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمِهَادُ). وإنما اخترنا قراءة ذلك كذلك، على قراءته بالياء لدلالة قوله (قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتْنَتَيْنِ) على أنهم بقوله (سُتَعْلَبُونَ) مخاطبون خطابهم بقوله (قَدْ كَانَ لَكُمْ) فكان إلحاق الخطاب بمثله من الخطاب أولى من الخطاب بخلافه من الخبر عن غائب"

Maksudnya: "Terdapat perbezaan bacaan pada ayat tersebut, sebahagian daripada mereka membaca pada kalimah (سُتَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ) dengan ta' dengan wajah Khitab iaitu mereka orang-orang kafir mereka dikalahkan, mereka berhujah dengan ayat (قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتْنَتَيْنِ). Mereka berkata: Itu lah dalil dibaca dengan ta' pada (سُتَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ). Begitu juga diharuskan dibaca pada ayat ini dengan ta' dan juga ya', kerana Khitab dengan wahyu ketika mana ia diturunkan juga adalah untuk selain daripada mereka". Kemudian beliau melanjutkan perbahasan dengan berkata "Bacaan yang kami pilih pada Qiraat berkenaan adalah dengan bacaan ta' dengan maksud: Katakan lah wahai Muhammad kepada mereka yang kafir dari kalangan yahudi bani Israel, mereka yang mengikut apa yang samar-samar daripada ayat al-Quran yang Aku turunkan kepada mu, mereka mencari fitnah dan mencari-cari takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya): (سُتَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ إِلَىٰ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمِهَادُ). Dan kami telah memilih Qiraat bacaan ta' berbanding dengan bacaan ya' kerana dalil (قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتْنَتَيْنِ). Sesungguhnya Khitab yang terdapat (سُتَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ) dengan kalimah (قَدْ كَانَ لَكُمْ) adalah mempunyai Khitab yang sama dan saling berkaitan berbanding dengan Khitab yang berbeza khabar yang ghaib"<sup>22</sup>.

Dalam ayat di atas, kaedah ikhtiar Imam al-Tabari adalah berdasarkan kepada ketepatan Bahasa Arab. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau memilih salah satu daripada dua bacaan iaitu beliau memilih bacaan ta' berbanding bacaan ya'. Beliau berhujahkan Khitab ayat (سُتَعْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ) dengan ayat yang datang selepasnya iaitu (قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتْنَتَيْنِ). Namun pemilihan ayat dibuat berdasarkan ketepatan maksud ayat yang menunjukkan bacaan ta' adalah lebih disukai oleh beliau walaupun

<sup>22</sup> Ibid, p. 238-239.

bacaan ya' juga diharuskan. Dalam perbahasan tersebut tidak ada kenyataan daripada beliau yang menunjukkan beliau melebihkan atau menolak bacaan yang lain kerana kedua-dua bacaan dibolehkan. Justeru, beliau tidak melakukan *tarjih* pada perbezaan ayat di atas.

2) Dalam surah al-Nahl ayat 2 Allah SWT berfirman:

يُنزِّلُ الْمَلَائِكَةَ بِالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنْذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونِ

Imam al-Tabari menjelaskan pandangannya berkaitan perbezaan Qiraat dengan berkata:

"وأولى القراءات بالصواب في ذلك عندي قراءة من قرأ (يُنزِّلُ أَلْ مَلَائِكَةَ) بمعنى: ينزل الله ملائكة. وإنما اخترت ذلك، لأن الله هو المنزِّل ملائكته بوحيه إلى رسله، إضافة فعل ذلك إليه، أولى وأحقّ. واخترت (يُنزِّلُ) بالتشديد على التخفيف، لأنه تعالى ذكره كان ينزل من الوحي على من نزله، شيئاً بعد شيء، والتشديد به، إذ كان ذلك معناه، أولى من التخفيف"

Maksudnya: "Dan Qiraat yang paling Aula dan tepat ialah bacaan Qiraat (يُنزِّلُ الْمَلَائِكَةَ)

dengan ya' serta tasydid zai dan nasab (أَلْ مَلَائِكَةَ) dengan maksud Allah menurunkan malaikat-malaikat. Aku telah memilih Qiraat ini kerana Allah SWT yang menurunkan para malaikatNya yang memberi wahyu kepada para rasulNya. Oleh kerana itu, menyandarkan perbuatan tersebut kepada Allah SWT adalah lebih Aula dan tepat. Dan aku juga memilih Qiraat (يُنزِّلُ) dengan tasydid berbanding takhfif kerana Allah SWT menjelaskan bahawa Dia yang menurunkan wahyu kepada sesiapa yang diturunkan wahyu secara beransur-ansur, dan tasydid tersebut adalah lebih Aula maksudnya berbanding takhfif<sup>23</sup>.

Dalam ayat di atas, kaedah ikhtiar Imam al-Tabari adalah berdasarkan kepada ketepatan Bahasa Arab. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau memilih bacaan *tasydid* berbanding bacaan *takhfif*. Beliau berhujahkan ayat (يُنزِّلُ الْمَلَائِكَةَ) memberi maksud Allah SWT yang menurunkan para malaikatNya yang memberi wahyu kepada para rasulNya adalah lebih *Aula* dan tepat. Menurut beliau, ketepatan maksud bacaan *tasydid* adalah lebih menepati maksud ayat berbanding dengan bacaan *takhfif*. Justeru, pemilihan tersebut dibuat dengan adanya perbandingan di antara dua bacaan. Dalam perbahasan tersebut terdapat Uslub lain yang digunakan selain daripada

<sup>23</sup> Ibid, p. 161.

Uslub ikhtiar iaitu Uslub *tarjih* (وأولى القراءات بالصواب) dengan menyatakan satu bacaan yang lebih tepat menunjukkan beliau melebihkan satu bacaan berbanding bacaan yang lain.

3) Dalam surah al-Maidah ayat 53 Allah SWT berfirman:

وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَهْلَآءِ الَّذِينَ أَقْسَمُوا بِاللّٰهِ جَهْدَ أَيْمٰنِهِمْ إِنَّهُمْ لَمَعَكُمْ حَبِطَتْ أَعْمَلُهُمْ  
فَأَصْبَحُوا خٰسِرِينَ

Imam al-Tabari dalam menjelaskan pandangannya berkenaan perbezaan Qiraat di atas telah berkata:

"اختلفت القراءة في قراءة قوله (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا) فقرأتها قراءة أهل المدينة بغير واو. وكذلك ذلك في مصاحف أهل المدينة بغير واو. وقرأ ذلك بعض البصريين (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا) بالواو ونصب (يقول) عطفًا به على (فَعَسَىٰ اللَّهُ أَن يَأْتِيَ بِالْفَتْحِ). وهي في مصاحف أهل العراق بالواو (ويقول). وقرأ ذلك قراءة الكوفيين (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا) بالواو ورفع (يقول) بالاستقبال والسلامة من الجوازم والنواصب. وقراءتنا التي نحن عليها (ويقول) بإثبات الواو، لأنها كذلك هي في مصاحفنا مصاحف أهل المشرق بالواو، ورفع (يقول) على الابتداء"

Maksudnya: "Telah berbeza bacaan Qiraat pada ayat (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا), maka telah membaca ahli al-Madinah pada ayat tersebut dengan *hazf* wau. Begitu juga dalam Mushaf ahli al-Madinah ditulis tanpa wau. Dan telah membaca pula sebahagian ahli Basrah pada ayat (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا) dengan wau dan nasab lam sebagai atof kepada ayat (فَعَسَىٰ اللَّهُ أَن يَأْتِيَ بِالْفَتْحِ). Dan itu adalah yang terdapat di dalam Mushaf ahli al-Iraq iaitu dengan wau. Dan telah membaca pula ahli-ahli al-Kufi pada ayat (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا) dengan wau dan *rafa'* lam. Dan qiraat yang kami baca (وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا) adalah dengan *ithbat* wau kerana itulah yang terdapat di dalam Mushaf kami iaitu Mushaf di kalangan ahli al-Masyriq iaitu dengan wau dan *rafa'* lam sebagai *muftada*"<sup>24</sup>.

Dalam ayat di atas, kaedah ikhtiar Imam al-Tabari adalah berdasarkan kepada ketepatan dengan Mushaf Uthmani. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau

<sup>24</sup> Ibid, p. 515-516.

memilih salah satu bacaan iaitu bacaan *ithbat wau*. Beliau menjelaskan bacaan tersebut adalah bacaan yang menjadi pilihan beliau kerana bacaan tersebut terdapat di dalam Mushaf dari kalangan ahli al-Masyriq. Di samping itu, bacaan tersebut juga menepati kaedah Bahasa Arab iaitu dengan bacaan *wau* dan *rafa' lam* sebagai *mubtada*. Namun, dalam perbincangan tersebut tidak ada penjelasan daripada beliau yang menunjukkan beliau lebihkan atau menolak bacaan yang lain. Justeru, beliau tidak melakukan *tarjih* pada perbezaan ayat di atas.

4) Dalam surah al-Mukminun ayat 87 Allah SWT berfirman:

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ قُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ

Imam al-Tabari menghuraikan pandangannya berkaitan perbezaan Qiraat tersebut dengan berkata:

"وقد اختلفت القراءة في قراءة قوله (سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ) فقرأ ذلك عامة قراءة الحجاز والعراق والشام سوى أبي عمرو فإنه خالفهم، فقرأه (سَيَقُولُونَ لِلَّهِ) في هذا الموضع وفي الآخر الذي بعده، اتباعا لحظ المصحف، فإن ذلك كذلك في مصاحف الأمصار، إلا في مصحف أهل البصرة، فإنه في الموضوعين بالالف، فقرأوا بالالف كلها، اتباعا لحظ مصحفهم. والصواب من القراءة في ذلك أنهما قراءتان، قد قرأ بهما علماء من القراءة، متقاربتا المعنى، فبأيتهما قرأ القارئ فمصيب، غير أني مع ذلك أختار قراءة جميع ذلك بغير ألف، لاجتماع خطوط مصاحف الأمصار على ذلك، سوى خط مصحف أهل البصرة"

Maksudnya: "Dan terdapat perbezaan bacaan pada (سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ), maka telah membacanya para Qurra' Hijaz, Iraq dan Syam kecuali Abu A'mru yang berbeza bacaan pada kedua-dua tempat yang akhir mengikut bacaan mushaf. Begitu juga bacaan yang terdapat di dalam mushaf al-Amsar, kecuali dalam Mushaf ahli Basrah, mereka pada kedua-dua tempat tersebut membaca dengan alif mengikut Mushaf mereka". Kemudian beliau menyambung penjelasan "Dan bacaan yang tepat pada Qiraat tersebut adalah sesungguhnya kedua-dua Qiraat tersebut dibaca oleh para Qurra', kedua-duanya mempunyai maksud yang hampir sama, maka mana-mana Qiraat yang dibaca adalah tepat, melainkan aku telah memilih qiraat yang dibaca oleh kebanyakan Qurra' iaitu tanpa alif, berdasarkan kesepakatan Mushaf-Mushaf al-Amsar kecuali Mushaf ahli

*Basrah*<sup>25</sup>.

Dalam ayat di atas, kaedah ikhtiar Imam al-Tabari adalah berdasarkan kepada ketepatan dengan Mushaf Uthmani. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau memilih salah satu bacaan iaitu bacaan tanpa *alif* pada ayat (سَيَقُولُونَ لِلَّهِ). Beliau menerangkan bahawa bacaan tersebut adalah bacaan yang menjadi pilihan beliau walaupun kedua-dua bacaan tersebut adalah tepat tetapi beliau memilih bacaan tersebut kerana bacaan tersebut merupakan bacaan yang disepakati oleh kebanyakan Qurra' dan juga terdapat kesepakatan di dalam Mushaf *al-Amsar*. Namun demikian, dalam perbincangan tersebut beliau juga menggunakan Uslub *tarjih* yang menunjukkan pandangannya yang paling tepat terhadap bacaan tersebut iaitu (والصواب من القراءة) tetapi beliau tidak melebihi atau menolak bacaan yang lain melainkan kedua-dua bacaan tersebut diterima dan diperbolehkan.

5) Dalam surah al-Maidah ayat 107 Allah SWT berfirman:

فَأَخْرَجَ يَفْرَمَانِ مَقَامَهُمَا مِنَ الَّذِينَ اسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ الْأَوْلِيَانِ فَيَقْسِمَانِ بِاللَّهِ لَشَهِدْتَنَّا أَحَقُّ مِنْ شَهِدْتَيْهِمَا وَمَا اعْتَدَيْنَا إِنَّا إِذَا لَمِنَ الظَّالِمِينَ

Imam al-Tabari dalam membahaskan pandangannya tentang perbezaan Qiraat dalam ayat di atas telah berkata:

"وأولى القراءتين بالصواب في قوله (مِنَ الَّذِينَ اسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ) قراءة من قرأ بضم التاء، لإجماع الحجة من القراءة عليه مع متابعة عامة أهل التأويل على صحة تأويله. وكذلك كانت قراءة من رويت هذه القراءة عنه، فقرأ ذلك (مِنَ الَّذِينَ اسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ) (اسْتَحَقَّ) بفتح التاء. وذلك مذهب صحيح، وقراءة غير مدفوعة صحتها، غير أنا نختار الأخرى، لإجماع الحجة من القراءة عليها، مع موافقتها التأويل الذي ذكرنا عن الصحابة والتابعين"

Maksudnya: "Dan Qiraat yang paling Aulaa tepatnya pada ayat (اسْتَحَقَّ عَلَيْهِمُ الْأَوْلِيَانِ) ialah dengan bacaan dhammah ta' di atas kesepakatan para Qurra' yang membacanya, dengan diikuti dengan sekalian ahli takwil yang membenarkan takwilannya. Begitu juga

<sup>25</sup> Ibid, p. 98-99.

bacaan yang diriwayatkan pada ayat (أَسْتَحَقُّ عَلَيْهِمُ الْأَوْلَايَيْنِ) maka dibaca (أَسْتَحَقُّ) dengan fathah ta'. Dan itu adalah Mazhab yang sah bacaannya dan bacaan yang tidak ditolak Qiraatnya, tetapi aku memilih bacaan Qiraat yang lain atas kesepakatan hujah daripada para Qurra' berkenaannya, disertai dengan kesesuaian pendapat di kalangan sahabat dan tabi'in<sup>26</sup>.

Dalam ayat di atas, kaedah ikhtiar Imam al-Tabari adalah berdasarkan kepada kesepakatan hujah daripada Qurra'. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau memilih salah satu bacaan iaitu bacaan *dhammah ta'* pada ayat (أَسْتَحَقُّ عَلَيْهِمُ الْأَوْلَايَيْنِ). Beliau menjelaskan bahawa bacaan tersebut adalah bacaan yang menjadi pilihan beliau walaupun kedua-dua bacaan tersebut adalah tepat tetapi beliau memilih bacaan tersebut kerana bacaan tersebut merupakan bacaan yang disepakati oleh kebanyakan Qurra' dan juga terdapat pandangan dari kalangan sahabat dan tabi'in yang menyokongnya. Namun demikian, dalam perbincangan tersebut beliau juga menggunakan Uslub *tarjih* yang menunjukkan pandangannya yang paling tepat di antara dua bacaan iaitu (وأولى القراءتين بالصواب) tetapi beliau tidak melebihi atau menolak bacaan yang lain melainkan kedua-dua bacaan tersebut diterima dan diperbolehkan.

6) Dalam surah al-An'am ayat 74 Allah SWT berfirman:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ عَازِرْ أَتَّخِذُ أَصْنَامًا ءِالِهَةً ۗ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ جَارِيَةً ۗ وَأُولَى الْقَرَاءَتَيْنِ بِالصَّوَابِ

Imam al-Tabari dalam ayat tersebut telah menyatakan pandangannya tentang perbezaan Qiraat dengan berkata:

"والصواب من القراءة في ذلك عندي قراءة من قرأ بفتح الراء من (عَازِرْ) على إتياعه إعراب الأب، وأنه في موضع خفض، ففتح إذ لم يكن جارياً، لأنه اسم أعجمي، وإنما اخترت قراءة ذلك كذلك، لإجماع الحجة من القراءة عليه"

Maksudnya: "Dan yang paling tepat bacaan Qiraat di sisiku adalah bacaan Qiraat dengan fathah ra' pada kalimah (عَازِرْ) kerana mengikut i'rab (الأب), sesungguhnya ia terletak pada kedudukan khafadh, tetapi dibaca dengan fathah walaupun dalam keadaan (جارياً) kerana isim a'jamie. Dan aku memilih bacaan tersebut kerana kesepakatan hujah para

<sup>26</sup>Ibid, 95-96.

*Qurra' ke atas bacaan tersebut*<sup>27</sup>.

Dalam ayat di atas, kaedah ikhtiar Imam al-Tabari adalah berdasarkan kepada kesepakatan hujah daripada Qurra'. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau memilih salah satu bacaan iaitu bacaan *fathah ra'* pada kalimah (ءَازَرَ). Beliau menjelaskan bahawa bacaan tersebut adalah bacaan yang menjadi pilihan beliau kerana bacaan tersebut merupakan bacaan yang disepakati oleh kebanyakan Qurra' dan juga bertepatan dengan kaedah *nahw*. Namun demikian, dalam perbincangan tersebut beliau juga menggunakan Uslub *tarjih* yang menunjukkan pandangannya yang paling tepat di antara bacaan tersebut iaitu (والصواب من القراءة) tetapi beliau tidak melebihkan atau menolak bacaan yang lain.

7) Dalam surah al-An'am ayat 159 Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا لَسْتَ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ ۚ إِنَّمَا أَمْرُهُمْ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ

Dalam ayat di atas Imam al-Tabari telah menghuraikan pandangannya tentang bacaan qiraat dengan berkata:

"والصواب من القول في ذلك أن يقال: إنهما قراءتان معروفتان، قد قرأت بكل واحدة منهما أئمة من القراء، وهما متفقتا المعنى غير مختلفتيه، وذلك أن كل ضالّ فلدينه مفارق، وقد فرّق الأحزاب دين الله الذي ارتضاه لعباده، فتهوّد بعض، وتنصّر آخرون، وتمجّس بعض. وذلك هو التفريق بعينه، ومصير أهله شيعاً متفرّقين غير مجتمعين، فهم لدين الله الحقّ مفارقون، وله مفترقون. فبأى ذلك قرأ القارئ فهو للحقّ مصيب، غير أني أختار القراءة بالذي عليه عظم القراء، وذلك تشديد الراء من (فَرَّقُوا)"

Maksudnya: "Dan yang paling tepat daripada pandangan tersebut disebut: Sesungguhnya kedua-dua Qiraat tersebut dikenali umum, telah dibaca setiap bacaan Qiraat daripada keduanya oleh imam-imam Qiraat. Bacaan tersebut adalah bertepatan pada maknanya tanpa berbeza, ini kerana setiap orang yang sesat akan menjadi pemecah-belah di dalam agamanya. Sesungguhnya beberapa kelompok yang memecah belah agama Allah SWT yang diredhai, sebahagian mereka menjadi Yahudi, sebahagian mereka

<sup>27</sup> Ibid, p. 345.



menjadi Nasrani dan sebahagian mereka menjadi Majusi. Dan itulah kelompok pemecah belah yang jelas, dan yang menjadikan pelakunya berkelompok-kelompok dan tidak bersatu. Mereka itulah pemecah belah agama Allah. Maka mana-mana bacaan yang dibaca oleh Qurra' adalah benar dan diberi pahala, cuma aku memilih bacaan yang dibaca oleh kebanyakan Qurra' iaitu bacaan tasydid ra' (فَرَّقُوا)”<sup>28</sup>.

Dalam perbincangan ayat di atas, Imam al-Tabari telah melakukan kaedah ikhtiar berdasarkan kepada kesepakatan hujah daripada Qurra'. Beliau menggunakan Uslub ikhtiar yang menunjukkan beliau memilih salah satu bacaan iaitu bacaan *tasydid ra'* pada kalimah (فَرَّقُوا). Beliau menjelaskan bahawa bacaan tersebut adalah bacaan yang menjadi pilihan beliau kerana bacaan tersebut merupakan bacaan yang disepakati oleh kebanyakan Qurra' dan juga maksud kedua-dua bacaan adalah sama serta tidak bercanggah antara satu sama lain. Mana-mana bacaan yang dibaca adalah benar dan tepat. Di samping itu, dalam perbincangan tersebut juga beliau telah menggunakan Uslub *tarjih* yang menunjukkan pandangannya yang paling tepat di antara bacaan tersebut iaitu (والصواب من القول) tetapi beliau tidak melebihkan atau menolak bacaan yang lain.

#### 4. KESIMPULAN

Perbincangan rukun *Qiraat Sahihah* menurut kebanyakan ulama adalah terdiri daripada tiga perkara utama iaitu bertepatan dengan Bahasa Arab, bertepatan dengan Rasm Uthmani dan sahih sanadnya. Jika dilihat kepada huraian Imam al-Tabari, beliau melakukan kaedah ikhtiar berdasarkan rukun *Qiraat* yang sedikit berlainan. Dua rukun yang dilihat mempunyai persamaan dengan kebanyakan ulama adalah bertepatan dengan Bahasa Arab dan bertepatan dengan Rasm Uthmani. Manakala satu rukun lagi beliau menggunakan kaedah kesepakatan hujah para Qurra' sebagai kaedah ikhtiar beliau dalam huraian tafsir beliau. Oleh sebab itu Al-Zuhaili<sup>29</sup> telah menjelaskan dalam buku beliau *Al-Imam al-Tabari* bahawa terdapat tiga perkara yang digariskan oleh imam al-Tabari berkenaan penerimaan sesuatu *Qiraat* iaitu bertepatan dengan Bahasa Arab, kesepakatan hujah para Qurra' yang menaqalkan secara meluas dan kekuatan wajah dalam Bahasa Arab serta yang paling *afshah*. Namun, perbezaan pada perbincangan Imam al-Tabari pada perkara kesepakatan hujah para Qurra' sebenarnya tidak jauh bezanya dengan maksud sahih sanadnya. Ini kerana sahih sanadnya adalah sanad atau riwayat yang dinaqalkan oleh seorang yang *a'dil* dan *dhobith* kepada seorang yang *a'dil* dan *dhobith* sehingga

<sup>28</sup> Ibid, 30-31.

<sup>29</sup> Al-Zuhaili, Muhmmad (1999), *Al-Imam al-Tabari*, Damsyik: Dar al-Qalam.

akhirnya<sup>30</sup>. Manakala maksud kesepakatan hujah para Qurra' yang menaqalkan secara meluas (إجماع الحجة من القراء بالنقل المستفيض) merujuk kepada *Ijmak Qurra'* yang meriwayatkan secara *naqal* dan disebarluas di kalangan mereka. Ini dapat difahami bahawa sesuatu Qiraat yang *dinaqalkan* oleh Qurra' yang bersepakat secara *Ijmak* secara tidak lansung adalah Qiraat yang diriwayatkan secara Mutawatir dan sanad periwayatan tersebut adalah sanad yang tidak diragui lagi. Cuma ada sebahagian ulama menjelaskan bahawa syarat yang digariskan oleh Imam al-Tabari iaitu kesepakatan hujah para Qurra' yang menaqalkan secara meluas adalah sama maksudnya dengan syarat Mutawatir kerana maksud Mutawatir adalah:

(نقل جماعة يمتنع تواطؤهم على الكذب عن جماعة كذلك من أول السند إلى منتهاه إلى رسول الله)

Iaitu sesuatu Qiraat yang diriwayatkan oleh satu kumpulan yang besar yang tidak mungkin mereka bersepakat untuk berbohong serta terselamat daripada berlaku sebarang pendustaan daripada awal Sanad sehingga akhirnya dan sampai kepada Rasulullah SAW.<sup>31</sup>

#### RUJUKAN:

Al-Quran Al-Karim

Abu Syamah Al-Dimashqi, Abdul Rahman bin Ismail (T.T), *Ibraz Al-Ma'ani Min Hirz Al-Amani Fi Al-Qiraat Al-Sab'*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

Al-Harabi, Hussin bin A'li (2008), *Manhaj Al-Imam Ibnu Jarir Al-Tabari Fi Al-Tarjih*, Amman: Dar Al-Janadariah.

Al-Qadhi, Abdul Fatah Abdul Ghani (2004), *Al-Budur Al-Zahirah Fi Al-Qiraat Al-A'syr Al-Mutawatirah*, Kaherah: Dar Al-Salam.

Al-Qaisi, Makki bin Abi Thalib Hammush (T.T), *Al-Ibanah A'n Ma'ani al-Qiraat*, Kaherah: Dar Nahdhah Misr.

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (2001), *Jami' al-Bayan A'n Ta'wil Ay Al-Quran*, Kaherah: Dar Hajr.

Al-Zuhaili, Muhmmad (1999), *Al-Imam al-Tabari*, Damsyik: Dar al-Qalam.

<sup>30</sup> Ibnu Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (1999), *Munjid Al-Muqri'in Wa Mursyid Al-Thalibin*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

<sup>31</sup> Al-Qadhi, Abdul Fatah Abdul Ghani (2004), *Al-Budur Al-Zahirah Fi Al-Qiraat Al-A'syr Al-Mutawatirah*, Kaherah: Dar Al-Salam.

- Baharom, Noresah (2005), *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dhif, Syauqi (1972), *Kitab Al-Sab'ah Fi Al-Qiraat Li Ibnu Mujahid*, Kaherah: Dar Al-Ma'arif.
- Dhif, Syauqi (2005), *Al-Mu'jam Al-Wasith*, Kaherah: Maktabah Al-Syuruq Al-Dauliah.
- Ibnu Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (T.T), *Al-Nasyr Fi Al-Qiraat Al-A'syr*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Al-Jazari, Muhammad bin Muhammad (1999), *Munjid Al-Muqri'in Wa Mursyid Al-Thalibin*, Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Zanjalah, Abu Zar'ah Abdul Rahman bin Muhammad (1997), *Hujjah Al-Qiraat*, Beirut: Muassasah Risalah.
- Sabir, Muhyiddin (2003), *Al-Mu'jam al-A'rabi al-Asasi*, Tunis: Al-Munazzhomah Al-A'rabiyyah Li Al-Tarbiyah Wa Al-Thaqafah Wa Al-U'lum.